



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di negeri **Kedah** dan **MPSPK** yang masih dibenar membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut.

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1.	15 / 2019 (KEJ)	Kerja-Kerja Menaiktaraf Lampu Jalan di Kawasan Rehat Titi Semeling, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB  Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)	Aras G, Ruang Legar, Menara MPSPK	10.00 pagi	13/03/2019 (Rabu)
2.	16 / 2019 (KEJ)	Kerja-Kerja Menaiktaraf Lampu Jalan di Persiaran Bandar Puteri Jaya 1/3, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Gred : G1, G2 & G3  Pengkhususan : E04, E06, E16, E17, E21			
3.	17 / 2019 (KEJ)	Cadangan Pemasangan Lampu Kawasan di Muzium Tsunami, Kota Kuala Muda, Kedah Darul Aman	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)			
4.	18 / 2019 (KEJ)	Cadangan Pemasangan Lampu Jalan di Jalan SP Heights ke Taman Kelisa, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Kontraktor tempatan yang berdaftar di negeri Kedah			

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**.

**HARGA DOKUMEN : RM 10.00 SENASKAH (TUNAI)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati di Seksyen Perolehan, Jabatan Kewangan, Tingkat 4, Menara MPSPK mulai **13 Mac 2019 (Rabu)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

<b>Ahad hingga Rabu</b>	<b>:</b>	<b>8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari</b>
		<b>2.15 petang hingga 4.45 petang</b>
<b>Khamis</b>	<b>:</b>	<b>8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari</b>
		<b>2.15 petang hingga 3.15 petang</b>

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **20 Mac 2019 (Rabu)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

**Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**